




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

4 NOVEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 655 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 220,221 kes. Sebanyak tiga (3) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Sipitang, Kunak dan Penampang. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 378 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 208,950 orang. Manakala 1,869 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 723 orang di hospital, 1,133 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 12 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 76 orang merangkumi 74 di ICU/repurposed kritikal care serta dua (2) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 81 (38.57%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Semporna, Tongod dan Kunak berubah dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Merah 23 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Kedudukan jangkitan COVID-19 di Sabah tidak banyak berubah. Terdapat penurunan kecil sebanyak (-20) kes berbanding semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes baharu hari ini sebanyak (655) kes.
- b. Sebanyak 14 daerah mencatatkan penurunan kes dengan lima (5) daripadanya merekodkan penurunan signifikan iaitu Kinabatangan (-26) kes, Kota Belud (-21) kes, Sandakan (-21) kes, Kota Kinabalu (-20) kes dan Kota Marudu (-16) kes.
- c. Sebanyak 12 daerah lagi mencatatkan peningkatan dengan enam (6) daerah menunjukkan peningkatan agak tinggi iaitu Tuaran (+24) kes, Putatan (+18) kes, Tawau (+15) kes, Pitas (+14) kes, Ranau (+11) kes dan Penampang (+ 11) kes. Semporna kekal dengan catatan sebagaimana semalam.
- d. Saringan Kontak Rapat dan Saringan Bergejala terus menjadi penyumbang utama kes-kes baharu di setiap daerah. Pada hari ini, 52.82% daripada jumlah keseluruhan berpunca daripada Saringan Kontak Rapat dan 40.61% lagi berpunca melalui Saringan Bergejala.
- e. Sebanyak (418) kes atau 63.82% daripada jumlah kes hari ini merupakan kes-kes yang berlaku dan didaftar dalam tempoh 24 jam yang lalu. Sejumlah (237) kes lagi atau 36.18% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 7 hari.
- f. Kes-kes jangkitan yang dianggap serius kekal rendah. Jumlah kes dalam Kategori 3, dua (2) orang, Kategori 4, satu (1) orang dan Kategori 5, satu (1) orang. Kebanyakan kes jangkitan adalah dalam Kategori 2, iaitu 568 orang (86.72%) dan Kategori 1, 79 orang (12.06%).Empat (4) kes lagi masih dalam siasatan JKNS.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (346) kes daripada

Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------------|---------------------|------------------|
| 1 | Kluster | 7 | 1.07% |
| 2 | Bergejala | 266 | 40.61% |
| 3 | Kontak | 346 | 52.82% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0.00% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 36 | 5.49% |
| JUMLAH | | 655 | 100% |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (03 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 03/11/2021 | Catatan Kes 04/11/2021 | Perbandingan |
|---------------|---------------|---------------------------|---------------------------|--------------|
| 1 | Tuaran | 35 | 59 | +24 |
| 2 | Putatan | 14 | 32 | +18 |
| 3 | Tawau | 4 | 19 | +15 |
| 4 | Pitas | 19 | 33 | +14 |
| 5 | Ranau | 60 | 71 | +11 |
| 6 | Penampang | 30 | 41 | +11 |
| 7 | Kudat | 18 | 27 | +9 |
| 8 | Lahad Datu | 19 | 26 | +7 |
| 9 | Beluran | 8 | 13 | +5 |
| 10 | Kuala Penyu | 5 | 10 | +5 |
| 11 | Tambunan | 15 | 19 | +4 |
| 12 | Beaufort | 45 | 46 | +1 |
| 13 | Semporna | 5 | 5 | Mendatar |
| 14 | Kinabatangan | 32 | 6 | -26 |
| 15 | Kota Belud | 65 | 44 | -21 |
| 16 | Sandakan | 31 | 10 | -21 |
| 17 | Kota Kinabalu | 89 | 69 | -20 |
| 18 | Kota Marudu | 56 | 40 | -16 |
| 19 | Sipitang | 17 | 8 | -9 |
| 20 | Papar | 25 | 18 | -7 |
| 21 | Tenom | 25 | 19 | -6 |
| 22 | Kunak | 5 | 0 | -5 |
| 23 | Keningau | 27 | 23 | -4 |
| 24 | Nabawan | 8 | 5 | -3 |
| 25 | Tongod | 3 | 0 | -3 |
| 26 | Telupid | 14 | 12 | -2 |
| 27 | Kalabakan | 1 | 0 | -1 |
| JUMLAH | | 675 | 655 | -20 |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Kategori Kes | | | | | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 14 Hari (21 Oktober – 03 November) |
|---------------|------------------|-----------------|--------------------|-------------------|--------------------|---------------------|--|
| | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan | | |
| Ranau | 4 | 29 | 32 | 0 | 6 | 71 | 663 |
| Kota Kinabalu | 0 | 38 | 25 | 0 | 6 | 69 | 837 |
| Tuaran | 0 | 35 | 23 | 0 | 1 | 59 | 431 |
| Beaufort | 0 | 26 | 19 | 0 | 1 | 46 | 538 |
| Kota Belud | 0 | 21 | 21 | 0 | 2 | 44 | 704 |
| Penampang | 0 | 15 | 23 | 0 | 3 | 41 | 330 |
| Kota Marudu | 0 | 28 | 11 | 0 | 1 | 40 | 535 |
| Pitas | 0 | 25 | 8 | 0 | 0 | 33 | 241 |
| Putatan | 0 | 13 | 17 | 0 | 2 | 32 | 180 |
| Kudat | 0 | 12 | 11 | 0 | 4 | 27 | 313 |
| Lahad Datu | 0 | 11 | 12 | 0 | 3 | 26 | 284 |
| Keningau | 0 | 7 | 14 | 0 | 2 | 23 | 362 |
| Tenom | 0 | 10 | 9 | 0 | 0 | 19 | 388 |
| Tambunan | 0 | 15 | 4 | 0 | 0 | 19 | 271 |
| Tawau | 0 | 11 | 7 | 0 | 1 | 19 | 203 |
| Papar | 0 | 2 | 15 | 0 | 1 | 18 | 297 |
| Beluran | 0 | 11 | 2 | 0 | 0 | 13 | 163 |
| Telupid | 0 | 10 | 2 | 0 | 0 | 12 | 131 |
| Sandakan | 0 | 7 | 3 | 0 | 0 | 10 | 182 |
| Kuala Penyu | 0 | 8 | 2 | 0 | 0 | 10 | 66 |
| Sipitang | 0 | 4 | 3 | 0 | 1 | 8 | 157 |
| Kinabatangan | 3 | 1 | 1 | 0 | 1 | 6 | 287 |
| Nabawan | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 5 | 66 |
| Semporna | 0 | 2 | 2 | 0 | 1 | 5 | 40 |
| Kunak | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 34 |
| Tongod | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 39 |
| Kalabakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 15 |
| JUMLAH | 7 | 346 | 266 | 0 | 36 | 655 | 7,757 |

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Nama Kluster | Jumlah Kes Baharu |
|---------------|--------------------|-------------------|
| Ranau | Kluster Tumbalang | 4 |
| Kinabatangan | Kluster Sawit Jati | 3 |
| Jumlah | | 7 |

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,051 unit

- Hospital 1,774 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,807 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 30.89%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 4 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|------------|
| Tempatan | 653 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 0 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 2 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 0 |
| Jumlah | 655 |

| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | |
|---------------------------------|----------|
| Pahang | 1 |
| Selangor | 1 |
| Jumlah | 2 |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|-----------------|------------|
| Malaysia | 637 |
| Bukan Malaysia | 18 |
| Jumlah | 655 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-------------------------------|------------|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 12) | 158 |
| Belum Menerima Vaksin | 85 |
| Menerima 1 Dos | 4 |
| Lengkap 2 Dos | 408 |
| Jumlah | 655 |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------|------------|
| <1 | 4 |
| 1 to 5 | 78 |
| 6 to 11 | 76 |
| 12 to 17 | 22 |
| 18 to 25 | 82 |
| 26 to 59 | 338 |
| >60 | 55 |
| Jumlah | 655 |

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 3 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 10,493 orang. Daripada jumlah ini, seramai 8,024 orang adalah penduduk dewasa dan 2,469 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 3 November 2021 adalah seramai 2,428,012 orang. Ini meliputi 2,098,437 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.07% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,344,708 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,060,296 orang atau 74.69% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 329,575 orang atau 75.94% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 284,412 atau 65.53% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **669,992** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,171 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 54 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak dua (2) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Satu (1) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Satu (1) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 110 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 26 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiga (3) tangkapan dibuat iaitu satu (1) tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002, satu (1) kesalahan di bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan satu (1) lagi tangkapan di bawah Enakmen Perhutanan Sabah 1968.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 891 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak 17 kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu 14 kompaun dikeluarkan di Penampang atas kesalahan individu gagal mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera atau mencatat nama/nombor telefon dalam buku pendaftaran dan tiga (3) kompaun dikeluarkan di Tawau atas kesalahan tidak memakai pelitup muka dengan betul (dua kompaun) dan tidak menyediakan pengimbas suhu yang baik (satu kompaun). Sebanyak enam (6) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Tawau.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 255 premis perniagaan dan 289 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Ajen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 343 Premis Perniagaan melibatkan 191 anggota APM. Satu (1) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 147 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di sembilan (9) premis, melibatkan lima (5) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 129 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 98 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **98.2%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|------------|---------------|----------------|
| 1 | Tuaran | 98.5% |
| 2 | Kunak | 98.5% |
| 3 | Beaufort | 98.5% |
| 4 | Lahad Datu | 98.5% |
| 5 | Kinabatangan | 98.5% |
| 6 | Tawau | 98.5% |
| 7 | Ranau | 98.5% |
| 8 | Kota Marudu | 98% |
| 9 | Keningau | 98% |
| 10 | Papar | 98% |
| 11 | Kota Kinabalu | 98% |
| 12 | Sandakan | 98% |
| 13 | Kudat | 98% |
| 14 | Kota Belud | 98% |
| 15 | Semporna | 98% |
| 16 | Sipitang | 98% |
| 17 | Penampang | 98% |
| 18 | Beluran | 98% |
| 19 | Tenom | 98% |

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II